

30/09/1997

Negeri utara kongsi pembangunan

Dzulkfley Zanudin

JAWATANKUASA Pembangunan Wilayah Utara membabitkan empat negeri di utara Semenanjung iaitu Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis wajar dimanfaatkan untuk memacu pembangunan dan pertumbuhan ekonomi bersama.

Malah menerusi jawatankuasa itu, keempat-empat negeri terbabit boleh menyelesaikan sebarang kekeliruan mengenai projek nasional di tempat masing-masing sebagaimana isu Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara (NRIA) antara Pulau Pinang dan Kedah, baru-baru ini.

Selama ini, jawatankuasa itu mengenal pasti 29 projek mega di Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis untuk dibangunkan secara bersepadu.

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Menteri Besar dan Ketua Menteri Wilayah Utara di Ipoh, Mac lalu misalnya, Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata projek berkenaan yang meliputi 15 kategori termasuk bidang pertanian, perindustrian, pemuliharaan sungai dan pelancongan dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2015.

Untuk itu, satu memorandum persefahaman (MoU) berhubung semua projek mega berkenaan dijangka ditandatangani apabila kajian berhubung projek itu dilaksanakan.

Selain Ramli, mesyuarat turut dihadiri Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Sewajarnya, dalam semangat persyarikatan Malaysia dan setiakawan, keempat-empat negeri terbabit wajar mengutamakan kepentingan nasional daripada kenegerian.

Malah, dalam isu NRIA, Pulau Pinang sepatutnya menerima dengan dada terbuka terhadap sebarang keputusan muktamad Kuala Lumpur berhubung apa yang baik untuk pembangunan wilayah utara, termasuk sistem pengangkutan antarabangsa.

Jika pada zaman silam, Kedah sanggup memajak tanahnya di Pulau Pinang kepada Inggeris sebelum terlepas haknya kepada negeri Pulau Pinang moden, projek pembangunan moden termasuk NRIA wajar dikongsi bersama jika itu lebih baik.

Memang kita tahu Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang penting kepada Pulau Mutiara untuk mengekalkan potensinya sebagai destinasi percutian menarik kepada pelancong asing serta Lembah Silikon Utara.

Bagaimanapun, penubuhan NRIA atas projek tebus guna laut di Kuala Muda termasuk perairan Pulau Pinang sepatutnya disambut baik oleh semua pihak. Kita juga berpendapat wajar Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dikekalkan selepas NRIA beroperasi kelak sebagaimana Lapangan Terbang Antarabangsa Osaka di Jepun terus kekal walaupun Lapangan Terbang Antarabangsa Kansai atas pulau buatan manusia dibuka pada 1994.

Berbalik kepada Jawatankuasa Pembangunan Wilayah Utara, keputusan keempat-empat pemimpin negeri terbabit untuk memberi tumpuan projek dari sempadan Perak sehingga ke utara Perlis termasuk mengenal pasti kawasan yang mempunyai potensi untuk dibangunkan secara bersama memang disambut baik.

Sebagai contoh, di Perak tumpuan boleh diberikan kepada bidang pertanian sama ada di kawasan yang mundur atau statik, sesuai dengan keluasan negeri itu serta kedudukan strategiknya antara Lembah Klang dan Pulau Pinang.

Ramli berharap melalui kerjasama bersepadu terhadap pembangunan setempat oleh keempat-empat negeri, peluang kemajuan lebih cerah mudah tercapai.

Turut dipersetujui dalam mesyuarat itu ialah pemuafakatan mengadakan

kerjasama bagi projek pemuliharaan sungai termasuk membina empangan sebagai langkah mencegah banjir di Sungai Muda dan Sungai Kerian.

Ketika ini, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) serta Unit Perancang Ekonomi (EPU) menjalankan kajian terhadap projek itu membabitkan RM800 juta.

Ini membuktikan kerjasama sempadan di Wilayah Utara bukan saja dapat memberi kesejahteraan kepada penduduk di wilayah itu serta menjimatkan perbelanjaan.

Dalam pembangunan pertanian, pelancongan, ekopelancongan dan perindustrian, projek berkaitan dijangka dilaksanakan di Kerian, Seberang Prai Selatan serta Selama (di Kedah dan Perak).

Setakat ini, pelbagai projek bersama sudah dilaksanakan dengan aktif oleh keempat-empat negeri meliputi mempromosi bidang pelancongan negeri terbabit di luar negara.

Dalam pada itu, Sanusi membangkitkan rancangan mewujudkan rangkaian restoran membabitkan keempat-empat negeri di beberapa negara luar bagi memperkenalkan dan mempromosi pusat pelancongan wilayah itu.

Cadangan itu dijangka menarik lebih ramai pelancong luar ke Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis yang mana masing-masing mempunyai keistimewaan dan tarikan tersendiri.

Berikutan itu, setiap Perbadanan Kemajuan Negeri terbabit mengadakan usaha sama dengan syarikat swasta untuk membuka restoran di seberang laut termasuk Queensland (Australia), Eropah, California, Turki, Jeddah, dan Amsterdam.

"Dengan cara itu kita bukan saja dapat memperkenalkan keempat-empat negeri itu ke negara luar, tetapi juga membantu Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia mempromosi pusat pelancongan utama di Malaysia," katanya Sanusi.

Satu lagi projek menarik yang dibangkitkan ketika itu ialah membantu Perlis untuk menjadi pengeluar air galian. Ketika ini, satu kawasan di Chuping, Perlis dikenal pasti berpotensi sebagai pusat pengeluaran air galian berikutan penemuan sumber air itu di sana.

Dalam pada itu, jawatankuasa itu bersedia membekal komputer dan peralatan komputer lain sebagai tanda sokongan terhadap projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)